

# Penguasaan Kata Nama dan Kata Kerja Arab dalam Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini

## [Mastery of Arabic Nouns and Verbs in the Implementation of Dini (Religious) Integrated Curriculum]

Khatijah Md Khatib<sup>1</sup> & \*Hakim Zainal<sup>1</sup>

### Abstrak

Kosa kata ialah elemen penting dalam pembelajaran bahasa, dan kekurangan penguasaan kosa kata memberi impak kepada keupayaan menguasai empat kemahiran bahasa, iaitu menulis, membaca, bertutur dan mendengar. Pembelajaran kosa kata secara eksplisit merupakan satu cara pembelajaran bahasa berkesan. Kajian mendapati pembelajaran kosa kata dalam pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dilaksanakan secara eksplisit. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis kemampuan pelajar tingkatan satu mengeja, mengetahui makna dan menggunakan kata nama dan kata kerja bahasa Arab yang telah dipelajari di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Negeri Sembilan yang melaksanakan KBD. Kajian kuantitatif ini meneliti aspek-aspek berikut, iaitu penguasaan ejaan yang melibatkan pasangan minimal, kata pinjaman Arab dan aspek mengetahui makna dan penggunaan perkataan turut dikaji. Perkataan yang diuji dipilih berdasarkan kata nama dan kata kerja yang disenaraikan dalam Dokumen Standard Kurikulum (DSK). Kajian tinjauan ini melibatkan 248 responden dalam kalangan pelajar tingkatan satu dari lima buah SABK yang menawarkan subjek *al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'asirah*. Data kajian diproses dengan menggunakan *IBM SPSS versi 23.0*. Dapatan kajian menunjukkan tahap penguasaan ejaan pada tahap sederhana dengan skor min penguasaan 10.57. Tahap penguasaan mengetahui makna perkataan juga sederhana dengan skor min penguasaan 10.96. Manakala, tahap penguasaan kemampuan menggunakan perkataan dalam struktur ayat adalah baik, iaitu 11.99. Berdasarkan dapatan kajian, pihak pelaksana boleh mengambil kira aspek kosa kata yang dikaji dalam merencana proses penambahbaikan terhadap pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

### Kata Kunci

Penguasaan kata, kosa kata, Bahasa Arab, Kurikulum Bersepadu Dini, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)

### Abstract

Vocabulary is a crucial component of language learning, and lack of vocabulary affects the ability to master four language skills, namely writing, reading, speaking and listening. Explicit vocabulary learning is an efficient way to learn the language. The research found that vocabulary learning in the implementation of dini (religious) integrated curriculum was carried out explicitly. The purpose of this study is to analyze the ability of form one students to spell, understand the meaning and use of Arabic nouns and verbs learned at the Negeri Sembilan Government Assistance Religious School (SABK) that implement KBD. This

<sup>1</sup>Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

#### Corresponding Author:

Hakim Zainal, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.  
E-mail: [haza@ukm.edu.my](mailto:haza@ukm.edu.my)

quantitative study examines the following aspects, namely, spelling mastery involving minimal pairing, Arabic loan words and aspects of knowing the meaning and use of words. The words tested are carefully chosen based on the nouns and verbs listed in the Curriculum Standard Document (DSK). 248 form one respondents of five SABKs which offered the subject of al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'asirah have been involved in the study. The research data was processed using IBM SPSS version 23.0. The findings of this study indicate that the level of spelling is at a moderate level with a mean score of 10.57. The level of mastery of the word meanings is also average with a mean score of 10.96. Meanwhile, the level of mastery of words in sentence structure is relatively good, 11.99 for the mean score. Based on the results of the report, the officials should take into account the examined vocabulary aspects in planning the improvement process in the implementation of the Arabic language teaching and learning process.

### **Keywords**

Vocabulary, vocabulary, Arabic, Early Integrated Curriculum, Government Aided Religious Schools (SABK)

#### **Cite This Article:**

Khatijah Md Khatib & Hakim Zainal. 2018. Penguasaan kata nama dan kata kerja Arab dalam pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 1(1): 69-79.

## **Pengenalan**

Pembelajaran bahasa suatu skop pembelajaran yang luas. Pembelajaran bahasa merangkumi aspek kosa kata, sintaksis, fonologi, morfologi dan semantik. Aspek kosa kata merupakan aspek utama dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa (Mat Taib 2006). Selain itu, ia juga adalah unsur utama pembelajaran dalam mana-mana bahasa. Justeru itu, kosa kata atau *mufradat* diletakkan sebagai unsur yang perlu dikuasai pelajar dalam kandungan pembelajaran bahasa Arab (Dokumen Standard Kurikulum *al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'asirah* Tingkatan 1 2014).

Kajian meneliti pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) di semua Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di seluruh Malaysia sebagai langkah memperkasakan bahasa Arab. Bahasa Arab sebagai bahasa pengantar dalam pengajaran KBD memantapkan lagi pendidikan bahasa Arab di Malaysia. Selain itu, metode pembelajaran bahasa Arab ditambah baik dengan perubahan beberapa aspek seperti kandungan pelajaran dan peruntukkan masa. Justeru itu, kajian wajar dijalankan khusus bagi meneliti penguasaan kata nama dan kata kerja Arab pelajar tingkatan satu yang melalui pelaksanaan KBD.

## **Latar Belakang Kajian**

Kosa kata merupakan elemen penting yang harus dikuasai dalam pembelajaran bahasa. Lantaran itu, ramai sarjana yang membincangkan peri penting penguasaan perkataan. Tu'aymah (1989) meletakkan sasaran penguasaan aspek saiz kata kepada 2000 perkataan bagi peringkat menengah. Selain itu, penguasaan kosa kata dilihat sebagai tunjang untuk menguasai

kemahiran tertinggi berbahasa iaitu komunikasi. Tanpa penguasaan kosa kata yang mantap seseorang tidak boleh menguasai aspek pembacaan, pertuturan, pendengaran dan penulisan dengan baik.

Oleh yang demikian, kosa kata perlu dikuasai bagi memperoleh kemahiran bahasa yang baik. Lantaran itu, antara objektif pembelajaran bahasa Arab di peringkat sekolah yang perlu dicapai adalah penguasaan kosa kata atau *mufradat*. Jelas kosa kata perlu ditekankan dan diberi perhatian. Kajian juga mendapat perincian kandungan mata pelajaran *al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'asirah* yang dilaksanakan dalam KBD dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu *al-kitabah*, *al-qiraah* dan *al-istima' wa al-kalam*. Hal ini menunjukkan kurikulum KBD memastikan pemantapan empat kemahiran bahasa yang perlu dikuasai dalam pembelajaran bahasa kedua tercapai.

Secara ringkas sejarah semakan kurikulum bahasa Arab berlaku pada tahun 2006 dengan perubahan nama mata pelajaran Bahasa Arab Tinggi kepada nama mata pelajaran Bahasa Arab bagi sekolah-sekolah yang melaksanakan KBSM. Subjek Bahasa Arab Komunikasi sistem KBSM pada waktu itu dihapuskan setelah subjek Bahasa Arab diperkenalkan. Usaha untuk melahirkan ulama dan cendekiawan Islam telah membawa kepada pelaksanaan KBD di semua SABK, Sekolah Agama Negeri (SAN) dan Sekolah Agama Rendah (SAR). Mata pelajaran Bahasa Arab di sekolah yang melaksanakan KBD ditukar nama kepada mata pelajaran *al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'asirah*. Pelaksanaan KBD mula dilaksanakan pada tahun 2015 kecuali SABK di Negeri Sembilan dan SABK Tun Ahmad Zaidi Sarawak pelaksanaannya bermula tahun 2016 (Surat makluman KPM.BPI.100.611.47 jld.4(64).

Berdasarkan sukanan pelajaran *al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'asirah*, para pelajar disarankan agar dapat menguasai saiz kosa kata Arab 2000 patah perkataan (Dokumen Standard Kurikulum *al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'asirah* 2014, BPK KPM). Selain itu, waktu pembelajaran bahasa Arab kurikulum KBD bagi tingkatan satu adalah 15 waktu berbanding 6 waktu dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Malah, aspek sintaksis dalam kurikulum KBD pembelajarannya bermula di tingkatan tiga. Hal ini sejajar dengan pendekatan KBD meletakkan pembelajaran aspek kosa kata bagi subjek *al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'asirah* sebagai unsur utama bagi penguasaan bahasa Arab.

Kesimpulannya, walaupun penguasaan aspek kosa kata penting untuk dikuasai namun ia merupakan satu aspek pembelajaran bahasa yang sukar dihadapi oleh pelajar dalam pembelajaran bahasa kedua atau asing. Justeru itu, penekanan pembelajaran aspek kosa kata perlu diambil berat kepada penuntut bahasa kedua pada semua peringkat sama ada rendah, menengah mahupun peringkat universiti.

## Pernyataan Masalah

Penguasaan bahasa yang baik adalah hasil penguasaan kosa kata yang cemerlang (Rosni 2013). Penguasaan kosa kata penting pada mana-mana bahasa. Para ahli sarjana bidang bahasa Arab menekankan penguasaan kosa kata. Hal ini kerana penguasaan kosa kata adalah simbolik penguasaan bahasa yang optimum. Para sarjana bersepakat dan bersetuju meletakkan aspek kosa kata sebagai tuntutan utama dalam pembelajaran bahasa kedua Tu'aymah (1989). Penguasaan kosa kata penting untuk membolehkan seseorang itu menguasai kemahiran-

kemahiran bahasa seperti bertutur, membaca, mendengar dan menulis. Walau bagaimanapun, kurang menguasai kosa kata sering menjadi faktor atau punca kepada ketidakupayaan penguasaan bahasa Arab.

Perkembangan pembelajaran bahasa Arab dilihat dari tahun ke tahun melalui proses perkembangan yang begitu pesat sekali (Rosni 2012). Namun perkembangan ini tidak begitu membanggakan kerana kajian mendapat tahap penguasaan bahasa Arab lemah dalam kalangan pelajar sekolah menengah mahupun peringkat universiti (Abdul Razif 2015). Pengetahuan kosa kata diakui merupakan aspek yang sukar (Harun & Zawawi 2016) dan pembelajaran bahasa asing atau bahasa kedua bukanlah suatu yang mudah bagi sebahagian besar pelajar.

Beberapa kajian menunjukkan tahap saiz kosa kata masih tidak mencapai tahap sepatutnya. Kajian Harun (2014), menunjukkan pelajar pra universiti hanya menguasai 717 daripada 4,000 perkataan sahaja. Begitu juga, dapatan kajian Abdul Razif (2015) pula menunjukkan saiz kosa kata yang dikuasai oleh pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam dan Bahasa Arab secara purata hanya 1,231 perkataan sahaja. Dapatan ini seiring dengan dapatan Siti Aisyah Ishak dan Zamri (2017) yang mendapat pelajar peringkat ijazah Fakulti Pengajian Islam UKM menguasai 1,929 perkataan daripada 3,000 perkataan. Angka ini berada di bawah tahap penguasaan minimum peringkat tinggi iaitu 1,500-2,000 perkataan yang perlu dikuasai (Tu‘aymah 1989). Hal ini menunjukkan tahap penguasaan kosa kata dalam kalangan pelajar peringkat tinggi juga masih berada pada tahap yang kurang memuaskan.

Antara faktor isu kurang penguasaan kosa kata yang ditimbulkan adalah pengabaian pendekatan pembelajaran kosa kata secara terancang atau eksplisit (Harun 2014). Pendekatan eksplisit atau sistematis adalah pendekatan pembelajaran kosa kata yang baik (Abdul Razif 2015; Harun 2014) sebelum diteruskan pembelajaran kosa kata secara implisit. Walaupun setiap kaedah atau pendekatan pembelajaran ada kelemahan dan kekuatan. Namun pembelajaran kosa kata secara eksplisit adalah sebaik-baik metode pembelajaran kerana pelajar lebih terarah dan fokus untuk menguasai aspek kosa kata.

Oleh itu, kajian meneliti KBD melaksanakan pembelajaran kosa kata secara eksplisit atau terancang sebagai satu usaha untuk mempertingkatkan tahap pemerolehan kosa kata bahasa Arab. Selain itu, Dokumen Standard Kurikulum (DSK) diteliti menyenaraikan secara jelas kata nama dan kata kerja yang perlu dikuasai di samping susunan silibus nahu dan *surf* bermula di tingkatan tiga. Hal ini membuktikan dalam KBD pendekatan pembelajaran kosa kata adalah secara terancang. Oleh yang demikian, satu kajian perlu dijalankan untuk meninjau bagaimanakah penguasaan kosa kata setelah pembelajaran secara eksplisit diperkenalkan.

Terdapat pelbagai kajian yang menyelidik aspek penguasaan kosa kata di peringkat rendah dan menengah. Terdapat kajian yang mengkaji penguasaan kosa kata melibatkan kata nama, kata kerja dan partikel (Hasnurol 2010 & Mohd Khairil Hanif 2015). Namun, terdapat juga kajian yang mengkaji penguasaan kata kerja sahaja (Hashim 2008; Muhammad Hafiz 2009; Munirah 2011; Muhammad Fahmi 2012; Syakirah Rifain 2013; Mohd Kamal 2013). Di peringkat sekolah rendah Hasnurol (2010) telah mengkaji ejaan, makna dan penggunaan perkataan. Terdapat juga kajian lain yang mengkaji penguasaan aspek makna terhadap pelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) (Muhammad Fahmi 2012). Dapatan kajian menunjukkan tahap penguasaan makna kata kerja berada pada tahap yang lemah. Persoalannya, apakah tahap penguasaan makna kata bagi pelajar sekolah menengah. Tambahan setelah pendekatan pembelajaran secara eksplisit dijalankan.

Kesimpulannya, penguasaan kosa kata adalah elemen penting untuk dikuasai oleh pelajar. Merujuk kepada saranan pengajaran unsur bahasa berbentuk pola ayat (القوالب) dalam kandungan subjek *al-Lughah al-‘Arabiyyah al-Mu‘asirah* di mana setiap pola ayat terkandung di dalamnya kata nama dan kata kerja. Adalah sukar bagi pelajar untuk menjayakan penggunaan pola ayat berkenaan sekiranya kurang menguasai kata nama dan kata kerja. Justeru itu, satu kajian wajar dijalankan bagi meneliti penguasaan kata nama dan kata kerja Arab bagi pelajar menengah yang melalui sistem KBD.

## Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis kemampuan pelajar tingkatan satu mengeja, mengetahui makna dan menggunakan kata nama dan kata kerja bahasa Arab yang telah dipelajari di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Negeri Sembilan yang melaksanakan KBD.

## Tinjauan Literatur

Bidang penyelidikan kosa kata banyak diperbincangkan dalam tiga dekad mutakhir (Meara 1995). Aspek kosa kata diperincikan dan diuraikan dengan pelbagai aspek. Terdapat kajian yang menyentuh aspek strategi pembelajaran kosa kata (Khoury 2008; Harun 2014; Wan Abdul Hayyi et. al. 2014; Nik Hanan & Rabiatul Aribah 2014; Abdul Razif 2015; Mohd Zaki et. al. 2016; Nor Fadilah et. al. 2017). Selain kajian berkaitan dengan strategi pembelajaran, terdapat kajian yang mengkaji penguasaan kosa kata di pelbagai peringkat sama ada peringkat rendah (Hasnurol 2010 dan Mohd Khairil Hanif 2015) dan peringkat menengah (Hashim 2008; Muhammad Hafiz 2009; Munirah 2011; Nik Mahfuzah 2012; Muhammad Fahmi 2012; Syakirah Rifain 2013; Mohd Kamal 2013).

Penelitian aspek kosa kata sering dihubungkaitkan dengan kemahiran bahasa. Dapatan kajian Abdul Razif (2015) menunjukkan wujud hubungan yang signifikan antara penguasaan kosa kata dengan kemahiran bertutur. Manakala, Amal Hayati (2016) turut menyatakan penguasaan kosa kata mempunyai hubungan dengan kemahiran pemahaman bacaan teks. Selain itu, dapatan kajian Nik Mahfuzah (2012) juga menyatakan kemahiran mendengar leksis bahasa Arab adalah pada tahap yang lemah kerana kurang penguasaan aspek kosa kata. Begitu juga, dapatan kajian Rosni (2012) menunjukkan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) lemah membina ayat sendiri atas faktor kurang menguasai kosa kata.

Sorotan kajian menunjukkan kajian penguasaan kata kerja mendominasi kajian-kajian lepas (Hashim 2008; Mohd Kamal 2013; Muhammad Hafiz 2009; Munirah 2011; Syakirah Rifain 2013). Selain itu, terdapat juga kajian penguasaan kosa kata yang merangkumi kata nama, kata kerja dan partikel. Umpamanya kajian Hasnurol (2010) dan Mohd Khairil Hanif (2015) yang meneliti penguasaan kosa kata dalam kalangan pelajar sekolah rendah yang mengikuti sistem j-QAF. Pada peringkat menengah, Muhammad Fahmi (2012) mengkaji penguasaan pelajar STAM terhadap imbuhan kata bahasa Arab.

Kajian-kajian yang membincangkan berkaitan penguasaan bahasa dijalankan dengan pelbagai pendekatan. Walaupun kajian terhadap ujian penguasaan tidak sepenuhnya membantu

peningkatan prestasi pembelajaran bahasa. Namun, hasil ujian mampu memberi panduan bagi meneliti proses pembelajaran bahasa (Shahov 2012). Justeru itu, penyelidikan berkaitan penguasaan kosa kata berupaya menjadi satu panduan perancangan untuk peningkatan pembelajaran dengan meneliti hasil kajian yang telah dijalankan. Selain itu, hasil kajian melalui ujian yang dijalankan mampu menunjukkan simpanan kosa kata dan ia menjadi rujukan para guru, penguji bahasa untuk membina panduan bagaimana langkah-langkah untuk mempertingkatkan penguasaan kosa kata dengan melihat bagaimanakah kosa kata yang dipelajari itu tersimpan.

Walaupun pelaksanaan KBD masih baharu di seluruh SABK. Kajian mendapati Maimun Aqsha, Zaffi dan Hanis Najwa (2014) telah mengkaji kurikulum SABK serta amalan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) perlu dipertingkatkan lagi (Maimun Aqsha et al. 2014). Setelah penelitian dijalankan, kajian penguasaan kosa kata dari aspek ejaan, mengetahui makna dan penggunaan perkataan dalam struktur ayat masih belum di kaji lagi. Aspek ejaan adalah penting dalam pembelajaran bahasa. Selain itu, penekanan aspek makna perkataan penting sebagai pemerolehan kosa kata (Ellis 1997) dan keupayaan menggunakan kosa kata pada tempatnya (Nation 1990). Dengan ini, kajian perlu melihat aspek penguasaan ejaan, makna dan penggunaan kata nama dan kata kerja Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah khusus dalam pelaksanaan kurikulum KBD.

Kesimpulannya, penguasaan kosa kata adalah elemen penting untuk memperoleh penguasaan bahasa yang baik. Kata nama dan kata kerja yang telah disenaraikan secara jelas dalam Dokumen Standard Kurikulum seharusnya dikuasai oleh pelajar dari aspek ejaan, mengetahui makna perkataan seterusnya mampu menggunakan perkataan dalam konteks ayat yang betul. Lantaran itu, kajian ini dijalankan untuk meninjau bagaimanakah penguasaan kata nama dan kata kerja melalui pendekatan pembelajaran kosa kata secara eksplisit. Ini bertepatan dengan objektif yang telah digariskan dalam Dokumen Standard Kurikulum *al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'asirah* adalah mampu mencapai dan menguasai menulis perkataan, ayat serta ungkapan dengan betul (Dokumen Standard Kurikulum *al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'asirah* Tingkatan 1 2014).

## Metodologi

Kajian menggunakan pendekatan kajian kuantitatif melalui reka bentuk kajian tinjauan. Menurut Rozmi (2016), penggunaan reka bentuk kajian tinjauan adalah untuk meneroka maklumat dan memerihalkan populasi yang akan dikaji. Reka bentuk kajian tinjauan sesuai dipilih supaya kajian mampu menghuraikan fenomena berkaitan penguasaan kata nama dan kata kerja bahasa Arab dalam kalangan pelajar berdasarkan pelaksanaan KBD di seluruh SABK di Negeri Sembilan.

Kaedah pensampelan secara rawak digunakan dalam kajian ini. Responden kajian terdiri daripada 248 pelajar tingkatan satu SABK di Negeri Sembilan. Subjek *al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'asirah* merupakan kandungan KBD. Oleh itu, kajian memilih lima buah SABK yang melaksanakan KBD yang mewakili daerah Seremban, Jempol, Port Dickson, Rembau dan Kuala Pilah. Instrumen kajian adalah ujian pencapaian. Ujian pencapaian

merangkumi kata nama dan kata kerja Arab yang disenaraikan dalam Dokumen Standard Kurikulum *al-Lughah al-‘Arabiyyah al-Mu‘asirah* tingkatan satu.

Ujian dibina berpandukan Jadual Penentu Ujian (JPU) bagi memastikan skop yang diuji mempunyai pemberatan seimbang. Ujian berbentuk item objektif dan item subjektif. Pemilihan item objektif kloz terutamanya dipilih sebagai item ujian kerana sesuai untuk menguji keupayaan bidang perbendaharaan kata secara mendalam (Kamarudin Husin et al. 2011). Di samping itu, pembinaan item ujian juga merujuk Taksonomi Bloom bagi memastikan item-item soalan yang dibina merangkumi aras penilaian yang akan dijalankan. Perkataan yang diuji dipilih secara rawak daripada 480 kata nama dan kata kerja yang disenaraikan. Tempoh masa ujian dijalankan adalah satu jam.

Data kajian dianalisis secara teknik analisis deskriptif. Menurut Chua (2006) analisis deskriptif digunakan untuk menyatakan boleh ubah dengan menggunakan petunjuk-petunjuk seperti min, sisihan piawai, median, mod, taburan normal dan skor z. Bagi penginterpretasian data, kajian turut meneliti jadual penggredan markah yang diaplikasikan di semua sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia mengikut Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (SAPS). Sistem pemarkahan dan penggredan di semua sekolah SABK menggunakan jadual penggredan markah seperti jadual berikut:

JADUAL 1 Penggredan Markah sistem SAPS

Gred	Skor	Catatan
A	85 - 100	Cemerlang
B	70 - 84	Kepujian
C	60 - 69	Baik
D	50 - 59	Memuaskan
E	40 – 49	Mencapai Tahap Minimum
F	0 – 39	Belum Mencapai Tahap Minimum

Sumber:<https://sapsnkra.moe.gov.my>

Sehubungan itu, kajian menginterpretasikan data skor min berpandukan interpretasi skor peratusan yang digunakan di sekolah-sekolah bagi melihat penguasaan ejaan, makna dan penggunaan perkataan. Justeru, interpretasi skor min bagi data adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2 Interpretasi Skor Min

Julat	Peratusan	Tahap Skor Min
0.0 – 7.95	0 hingga 39	Sangat Lemah
7.96 – 9.96	40 hingga 49	Lemah
9.97 – 11.97	50 hingga 59	Sederhana
11.98 – 13.98	60 hingga 69	Baik
13.99 – 16.99	70 hingga 84	Sangat Baik
17.00 – 20.00	85 hingga 100	Cemerlang

## Dapatan Kajian dan Perbincangan

Dapatan kajian yang dibincangkan merangkumi aspek penguasaan ejaan, penguasaan mengetahui makna perkataan dan penguasaan penggunaan perkataan.

## Penguasaan Ejaan Perkataan

Dapatan kajian bagi objektif yang pertama mendapati tahap penguasaan pelajar terhadap ejaan perkataan Arab adalah pada tahap sederhana. Hasil analisis dapatan skor min penguasaan dan sisihan piawai adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3 Skor Min dan Sisihan Piawai Ejaan Perkataan

min	Sisihan piawai	Tahap
10.57	4.25	Sederhana

Kajian mendapati pelajar tidak dapat mengeja perkataan yang melibatkan pasangan minimal dengan tepat. Hal ini disebabkan pelajar keliru untuk mengeja perkataan yang didengar yang melibatkan huruf pasangan minimal iaitu د-ض /ك-ق /س-ث /ص-ز . Antara perkataan yang diuji iaitu زوج - غوص - مرحاض - لقي - بحث. Taburan kekerapan penguasaan mengeja atau menulis semula perkataan pasangan minimal adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4 Taburan Kekerapan Ejaan Pasangan Minimal

Skor	Kekerapan	Peratus
0 Markah	62	25.0
2 Markah	60	24.2
4 Markah	41	16.5
6 Markah	42	16.9
8 Markah	19	7.7
10 Markah	24	9.7
Jumlah	248	100%

Bagi ejaan yang melibatkan perkataan pinjaman Arab, kajian mendapati kebanyakan pelajar keliru pada perkataan pinjaman Arab iaitu ‘mimbar’. Hasil dapatan kajian menunjukkan pelajar mengetahui ejaan mimbar sebagai ممبار sedangkan ejaan yang tepat adalah منبر. Taburan kekerapan penguasaan ejaan perkataan pinjaman Arab adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 5 Taburan kekerapan ejaan pinjaman Arab

Skor	Kekerapan	Peratus
0 Markah	1	0.4
2 Markah	11	4.4
4 Markah	33	13.3
6 Markah	70	28.2
8 Markah	105	42.3
10 Markah	28	11.3
Jumlah	248	100%

## Penguasaan Mengetahui Makna Perkataan

Dapatan kajian bagi objektif kajian yang kedua menunjukkan tahap pencapaian penguasaan mengetahui makna perkataan Arab adalah pada tahap sederhana. Kajian mendapati pelajar tidak

mengetahui makna perkataan yang telah dipelajari. Kesilapan menentukan pilihan perkataan yang sesuai untuk diletakkan di tempat kosong menunjukkan pelajar tidak mengetahui makna perkataan dengan baik. Jadual berikut adalah skor min penguasaan mengetahui makna perkataan:

JADUAL 6 Skor Min dan Sisihan Piawai Mengetahui Makna Perkataan

min	Sisihan piawai	Tahap
10.96	3.35	Sederhana

## Penguasaan Penggunaan Perkataan

Hasil kajian bagi objektif yang ketiga menunjukkan penguasaan penggunaan perkataan Arab adalah pada tahap baik. Dapatkan kajian menunjukkan pelajar tidak menguasai penggunaan perkataan dalam struktur ayat dengan tepat. Pelajar kurang menguasai penggunaan kata nama feminin dan kata nama maskulin dalam penggunaan perkataan. Hal ini disebabkan pembelajaran nahu secara implisit atau tidak secara langsung kerana pembelajaran nahu Arab dalam kurikulum KBD bermula di tingkatan tiga. Antara contoh jawapan pelajar kurang menguasai penggunaan kata nama feminin dan kata nama maskulin adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 7 Contoh Jawapan Penggunaan Kata Nama Feminin dan Kata Nama Maskulin

Bil	Jawapan
1	يأكل الأم المأكولات
2	فاطمة رئيس الأسرة

Selain itu, Pelajar juga keliru dengan penggunaan kata nama dan kata kerja. Sebagai contoh, perkataan *الرياضة*, kebanyakan pelajar keliru dengan menggunakan perkataan tersebut sebagai kata kerja sedangkan ia adalah kata nama. Hal ini disebabkan pengaruh pengetahuan perkataan bahasa Melayu *olahraga* iaitu ‘bersukan’ difahami sebagai kata kerja. Antara contoh jawapan pelajar yang keliru dengan penggunaan kata nama dan kata kerja adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 7 Contoh penggunaan perkataan yang tidak tepat

Bil	Jawapan
1	أنا الرياضة مع الأسرة
2	أسرتي الرياضة في الوقت الفراغ

Walaupun bagaimanapun, kajian mendapati pelajar mampu untuk membina ayat atas faktor pembelajaran bahasa menerusi pola ayat (*القوالب*) yang terdapat dalam kandungan mata pelajaran *al-Lughah al-‘Arabiyyah al-Mu‘asirah*. Kajian mendapati pelajar mampu meletakan kata nama dan kata kerja dalam suatu ayat, namun disebabkan tidak mengetahui makna perkataan menjadikan pelajar kurang menguasai kemahiran membina ayat mengikut konteks yang betul. Selain itu, penggunaan perkataan tidak mengikut konteks yang betul disebabkan

pelajar tidak mengetahui makna perkataan dengan baik. Antara contoh jawapan pelajar yang menggunakan perkataan tidak mengikut konteks yang betul adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 8 Contoh Jawapan Penggunaan Perkataan Tidak Mengikut Konteks Ayat

Bil	Jawapan
1	أحمد بعمل رئيس الأسرة في الفصل
2	أنا أرسل الدرس

Analisis data menunjukkan skor min penguasaan penggunaan perkataan adalah seperti jadual 5.8 berikut:

JADUAL 9 Skor Min dan Sisihan Piawai Penggunaan Perkataan

min	Sisihan piawai	Tahap
11.99	3.04	Baik

Penguasaan kosa kata tidak terhad kepada mengetahui makna perkataan sahaja. Namun keupayaan atau kemampuan mengaplikasikan perkataan dalam ayat, tanda penguasaan kata.

## Kesimpulan

Kesimpulannya, tahap penguasaan kata nama dan kata kerja Arab dalam kalangan pelajar tingkatan satu yang melalui KBD adalah pada tahap sederhana. Oleh itu, penumpuan aspek ejaan, makna dan penggunaan harus dititikberatkan dalam pembelajaran kosa kata Arab. Hal ini bagi merealisasikan kepentingan kosa kata sebagai elemen penting penguasaan suatu bahasa. Bagi mengatasi masalah kurang menguasai kosa kata, pelajar perlu diberi pendedahan kosa kata dengan pelbagai teknik pembelajaran. Selain itu, pengujian penguasaan kosa kata perlu dilakukan dengan lebih kerap bagi meneliti tahap kosa kata pelajar.

## Rujukan

- Abdul Razif Zaini. 2015. Penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar di peringkat kolej universiti. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. 2014. *Dokumen Standard Kurikulum al-Lughah al-Arabiah al-Mu‘asirah Tingkatan 1*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Che Radiah Mezah & Norhayuza Mohammad. 2011. *Pengajaran dan Pembelajaran Kosa Kata Arab Teori dan Aplikasi*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Ellis, N.C. 1997. Vocabulary acquisition: Word structure, collocation, word-class and meaning. Schmitt, N & McCarthy, M. (pnyt.). *Vocabulary: Description, Acquisition and Pedagogy*. hlm. 122-139. Cambridge: Cambridge University Press.
- Hamdi Abdul Hamid. 2010. Pengajaran kosa kata peringkat menengah rendah. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Harun Baharudin. 2014. Strategi pembelajaran kosa kata bahasa Arab sekolah menengah agama di Malaysia. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya.
- Hashim Mat Zin. 2008. Penguasaan kata kerja bahasa Arab di kalangan pelajar sekolah menengah: Satu kajian kes. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Harun Baharudin & Zawawi Ismail. 2016. *Konsep dan Strategi Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Kamarudin Husin, Abdullah Yusof & Mohd Ra'in Shaari. 2011. *Pedagogi Bahasa Amalan Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Emiritus Publication.
- Khouri, G. 2008. Vocabulary acquisition in Arabic as a foreign language: The root and pattern strategy. Tesis Doktor Falsafah. Dissertation, Boston University.
- Mat Taib Pa. 2006. Dasar-dasar umum pengajaran bahasa Arab di Malaysia. Dlm. Mohd Rosdi Ismail & Mat Taib Pa (pnyt.). *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Meara, P. 1995. *Single Subject Studies of Lexical Acquisition*. London: Multilingual Matters.
- Muhammad Fahmi Abd Jalil. 2012. Penggunaan pelajar STAM terhadap imbuhan kata bahasa Arab. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Kamal Ibrahim. 2013. Penggunaan kata kerja *al-mabni li majhul* dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Muhammad Hafiz Bakar. 2009. Keberkesanan kaedah permainan bahasa dalam mempertingkatkan penggunaan kata kerja *al-mudari* bahasa Arab. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Munirah Jaffar. 2011. Penggunaan kata kerja bahasa Arab dalam kalangan pelajar kelas aliran agama. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Nation, I.S.P. 1990. *Teaching and Learning Vocabulary*. New York: Heinle and Heinle.
- Nor Fadilah Abdul Basit, Isa Hamzah & Harun Baharudin. 2017. Strategi kognitif dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences* 6(1): 41-51.
- Nik Mahfuzah Nik Mat. 2013. Penggunaan kemahiran mendengar bahasa Arab dalam kalangan pelajar menengah agama. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Nik Hanan Mustapha, & Rabiatul Aribah Muhd Isa @ Omar. 2014. Arabic vocabulary learning strategies among non-native speakers: A case of IIUM. *Global Journal al-Thaqafah* 4(2): 125-133.
- Rosni Samah. 2012. Isu pembelajaran bahasa Arab. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12)*, hlm. 286-300.
- Rosni Samah. 2013. *Kaedah Pengajaran Kosa Kata Bahasa Arab untuk Pelajar Bukan Arab*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Rosni Samah. 2012. Pembinaan ayat bahasa Arab dalam kalangan lepasan sekolah menengah agama. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* 12(2): 555-569.
- Rozmi Ismail. 2016. *Metodologi Penyelidikan Teori dan Praktis*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Aisyah Ishak @ Isah & Zamri Arifin. 2017. Hubungan strategi pembelajaran kosa kata dengan saiz kosa kata. *Prosiding Seminar Antarabangsa Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Arab*, hlm. 150-162
- Syakirah Rifain Mohd Rifain. 2013. Penggunaan kata kerja perintah bahasa Arab dalam kalangan pelajar pra universiti. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Tu'aymah, Rushdi Ahmad. 1989. *Ta'lim al-'Arabiyyah li Ghayri 'an Natiqin Biha Manahijuhi wa Asalihu*. Ribat: ISESCO.
- Virginie, P.S. 2012. Measuring L2 receptive and productive vocabulary knowledge. *University of Readings Language Studies Working Papers* 4: 37-45.
- Wan Abdul Hayyi Wan Omar, Mohd Shahrizal Nasir, Mohd Firdaus Yahaya & Zulazhan Ab. Halim. 2014. Penggunaan kosa kata Arab menerusi aktiviti 'Jawlah Lughawiyyah'. *Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014*. hlm. 1-13.